



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**TEKS UCAPAN ALUAN
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023
DAN SANJUNGAN BUDI 2024
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

11 JUN 2024 (SELASA)

9.00 PAGI - 1.00 TENGAHARI

**PUTRA HALL A, PUTRAJAYA INTERNATIONAL
CONVENTION CENTRE (PICC) W.P. PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim Assalaamu'alaikum

Warahmatullaahi Wabarakaaatuh Dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

(Salutasi terkini disediakan secara berasingan).

KATA ALU-ALUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perpaduan Negara (mewakili YB Menteri Perpaduan Negara), atas kesudian untuk meluangkan masa bersama-sama dengan warga Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2023 dan Sanjungan Budi 2024 pada hari ini. Pastinya kehadiran Yang Berhormat memberikan makna yang lebih signifikan lagi, terutamanya kepada mereka yang diraikan dengan suasana yang meriah kerana majlis ini diadakan secara berskala besar di peringkat Kementerian bertempat di Putrajaya.

2. Diucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pengajur Majlis pada pagi ini kerana berjaya menghimpunkan semua warga kerja yang bakal diraikan sebagai penerima APC dan pesara 2024.

3. Alhamdulillah dengan izin-Nya jua, pada hari ini kita dapat sama-sama meraikan seramai **665 orang** warga Kementerian dan Jabatan di bawah KPN, yang terdiri daripada seramai **567 penerima APC** yang telah mempamerkan prestasi kerja cemerlang sepanjang tahun 2023 dan seramai **98 pesara tahun 2024**.
4. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima APC 2023 dan pesara 2024 yang dapat bersama-sama dengan kita pada pagi ini. Mereka ini mewakili pelbagai skim dan gred daripada Kementerian dan Jabatan dari seluruh negara yang telah menunjukkan komitmen kerja tinggi dan sumbangan kepada Kementerian dan Jabatan.
5. Untuk makluman, saya telah menerajui Kementerian ini sebagai Ketua Setiausaha selama sembilan (9) bulan sejak bulan September 2023 yang lalu, telah melihat sendiri dengan hadir banyak program yang dilaksanakan oleh Kementerian dan Jabatan di peringkat akar umbi sehingga peringkat kebangsaan. Kejayaan pelaksanaan program-program kepada kumpulan sasaran sebagaimana dirancang oleh Pengurusan Tertinggi tidak berupaya dilaksanakan tanpa sokongan dan komitmen tinggi daripada seluruh warga kerja Kementerian dan

Jabatan. Saya berharap seluruh warga kerja KPN akan terus meningkatkan pencapaian masing-masing dengan semangat kerja yang tinggi bagi kita menempuh cabaran-cabaran, khususnya dalam kita menggalas tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

PEMILIHAN DAN PENGIKTIRAFAN APC

Para hadirin sekalian,

6. Sebagaimana kita sedia maklum, pemilihan penerima APC adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria pemilihan seperti berikut:

- Penghasilan kerja yang cemerlang;
- Mempunyai pengetahuan/ kemahiran yang tinggi dalam pelaksanaan tugas;
- Memiliki kualiti peribadi/ etika kerja baik;
- Komitmen kerja yang tinggi;
- Berintegriti tinggi; dan
- Sumbang bakti yang bermanfaat kepada organisasi dan masyarakat.

7. Saya berharap agar pengiktirafan APC akan memberi kesan ke atas perkara-perkara seperti berikut:

- Menjadi dorongan ke arah membudayakan kecemerlangan dalam semua aspek;

- Dapat melonjakkan motivasi kerja;
- Menjadi *role model* dan mentor terbaik;
- Titik permulaan kepada semangat kerja berpasukan dan budaya kerja cemerlang serta inovasi;
- Menjadi pembakar semangat agar kita sama-sama berusaha mencapai kejayaan dan kecemerlangan yang berterusan; dan
- Dapat menyuntik semangat serta terus berkhidmat dengan lebih dinamik, dedikasi, berintegriti dan iltizam yang tinggi.

EKSPEKTASI DAN KUALITI WARGA KEMENTERIAN

Para hadirin sekalian,

8. Perkhidmatan awam merupakan tulang belakang kepada negara dan menjadi tanggungjawab kita untuk sentiasa memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Ini boleh kita lakukan melalui pelaksanaan penambahbaikan yang berterusan terhadap sama ada dari segi sistem, peraturan, proses kerja, serta penghasilannya agar benar-benar memberikan manfaat kepada rakyat.
9. Kecemerlangan organisasi terletak pada kehebatan warganya. Sumber manusia merupakan aset utama yang menyumbang kepada kejayaan sesebuah organisasi.

Runtuhnya nilai dalam organisasi akan menyebabkan kepincangan seperti penyelewengan, salah guna kuasa untuk kepentingan peribadi, rasuah dan sebagainya.

10. Penekanan kepada ***character building*** iaitu melalui peningkatan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengamalan nilai-nilai murni serta ciri-ciri peribadi yang positif termasuk aspek integriti yang tinggi merupakan asas kepada pembentukan sumber manusia yang amat diperlukan oleh organisasi.
11. Bagi mencapai ekspektasi ini, saya menyeru seluruh warga KPN dan agensi di bawahnya menghayati kualiti peribadi seperti berikut:
 - Mempunyai semangat kekitaan walaupun berbeza latar belakang dan pengalaman;
 - Menghormati adat dan budaya pelbagai kaum (silang budaya);
 - Berkemahiran untuk berfikir secara kritikal dan analitikal serta berkomunikasi secara berkesan (bertutur, tulisan dan perbuatan);
 - Bersedia untuk mengadaptasi dan menyesuaikan diri dalam komuniti pelbagai kaum;
 - Berkebolehan untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada komuniti;

- Bertindak sebagai pendampingan sosial untuk menjayakan usaha perpaduan;
 - Cekal, tabah, bersedia, responsif dan berakauntabiliti; dan
 - Berintegriti dan sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni - rajin, amanah, ikhlas, disiplin dan bertanggungjawab.
12. Selain itu juga, bagi melahirkan warga KPN yang berprestasi tinggi suka saya menyeru agar warga KPN dan agensi di bawahnya menyertai aktiviti kesukarelawanan untuk memupuk jati diri dan membentuk budaya berpersatuan serta menghadiri program-program pembangunan sahsiah termasuk kesedaran integriti.
13. Suka saya mengingatkan semula kepada warga KPN sekalian mengenai pegangan nilai penjawat awam yang diperkenalkan oleh YBhg. Dato' Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam melalui konsep "**H.E.M.A.T**" pada 21 Februari 2024 yang lalu.
14. Konsep H.E.M.A.T membawa dua maksud iaitu sikap penjawat awam dalam membelanjakan dana awam secara berjimat cermat manakala dari segi sifat pula, H.E.M.A.T ialah cara penjawat awam menjalankan tugas

dengan pengamatan dan penelitian secara mendalam, iaitu:

H - Hijrah Tatakelola,
E - Empati Rakyat,
M - Minda Pekin,
A - Apresiasi Inovasi dan
T - Telus Tadbiran.

15. Saya tidaklah berniat untuk menghuraikan dengan lebih lanjut berkenaan dengan perkara ini. Malah, konsep ini mengehendaki penjawat awam untuk sentiasa berani berhijrah menerusi kepekaan dengan tuntutan perubahan semasa, menjalankan tugas dengan rapi, cekap dalam pelaksanaan tugas dan mengamalkan komunikasi secara efisien.

ALAM PERSARAAN

Pesara sekalian,

16. Persaraan adalah fasa hidup yang baru. Perubahan pertama seorang pesara pada awal tempoh persaraan adalah pertukaran rutin dan jadual harian. Namun, persaraan bukan permulaan kepada kehidupan pasif. Isilah dengan aktiviti positif bagi menggantikan rutin bekerja seperti aktiviti sosial dan keagamaan yang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya semasa masih dalam

perkhidmatan. Teruskan bergiat aktif yang bersesuaian dengan kemampuan bagi mengekalkan kesihatan anda semua.

17. Suka saya ingatkan agar tuan/ puan juga **sentiasa berhati-hati dengan scammer**, yang mana pesara sentiasa menjadi sasaran kerana memiliki wang tunai yang banyak daripada kemudahan persaraan. Terdapat banyak kejadian pesara terpedaya dengan scammer dan telah kehilangan wang simpanan. Tuan/puan disarankan untuk mengelak daripada klik sebarang pautan (*link*) yang diterima tanpa mengetahui kesahihan dan jangan terpedaya dengan panggilan telefon.

PENUTUP

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

18. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima APC bagi tahun 2023 yang akan menerima sijil Perkhidmatan Cemerlang beserta wang tunai sebanyak seribu ringgit, dan pesara tahun 2024 yang akan menerima sijil penghargaan beserta hadiah penghargaan berbentuk wang tunai sebanyak enam ratus ringgi (pegawai tetap)/ empat ratus ringgit (pegawai kontrak).

19. Saya berharap agar semua yang diraikan hari ini dapat mengekalkan momentum kecemerlangan dan komitmen yang telah ditunjukkan selama ini dan terus mendokong usaha Kerajaan ke arah kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat.
20. Semoga kita semua akan terus diberi kekuatan dan kesihatan yang baik untuk menyampaikan perkhidmatan terbaik dan cemerlang.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

**SEKSYESN SUMBER MANUSIA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
10 JUN 2024**